

Rombak modul latihan pilih polis berintegriti

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah,
Pusat Kokurikulum
Dan Pembangunan
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia

Beberapa kes salah laku jenayah membabitkan anggota polis dilaporkan dalam dua bulan pertama tahun ini bukan saja menjelaskan nama baik dan imej pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), tetapi turut membimbangkan masyarakat kerana membabitkan soal keselamatan awam.

Justeru, pihak pengurusan PDRM perlu mengambil langkah intervensi efektif dengan segera bagi membendung dan menangani masalah disiplin dan etika anggota serta pegawai agensi ini.

Antara tindakan segera perlu dilakukan ialah menilai semula dan merombak syarat, kriteria serta kaedah pemilihan pegawai dan anggota baharu. Kelayakan fizikal sedia ada mungkin tiada masalah tetapi kes disiplin dan jenayah berlaku menunjukkan perlunya kaedah spesifik untuk menilai aspek sikap, tingkah laku dan integriti calon ingin menjadi polis.

Hal ini penting kerana sikap dan tingkah laku akan mempengaruhi gerak geri dan tindak tanduk dalam alam pekerjaan sehari-hari mereka terutama apabila diberi pangkat dan kuasa.

Jika perlu, rombakan harus dilakukan pada

modul latihan untuk merekrut anggota dan pegawai baharu dalam pasukan. Apabila ada anggota polis baharu dan muda terbabit dalam pelbagai masalah disiplin serta salah laku, ia membuktikan proses pemilihan, pelantikan serta modul latihan anggota baharu perlu diteliti semula.

Aspek pengukuhan mental

Bagi menangani masalah salah laku dalam kalangan pegawai dan anggota sedia ada pula, aspek perlu dipertingkatkan ialah melatih semula dan menyedarkan mereka kepentingan menjaga disiplin serta integriti.

Langkah intervensi ini penting bagi mengelak anggota polis leka dan lalai dengan pangkat serta kedudukan sehingga mudah hilang pertimbangan, salah guna kuasa dan terbabit dalam pelbagai salah laku jenayah.

Latihan semula ini juga perlu memberi penekanan terhadap aspek pengukuhan mental dan emosi anggota kerana beberapa insiden sebelum ini membuktikan ada anggota atau pegawai polis gagal mengawal emosi ketika atau di luar waktu kerja.

Sementara itu, aspek penyeliaan dan pemantauan wajar diperketatkan dengan menetapkan prosedur penyeliaan lebih jelas dan setiap pegawai penyelia diberikan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk dinilai dan diukur secara objektif.

Ini membolehkan proses penyeliaan dijalankan dengan lebih teratur dan bersistematis selain memudahkan pihak pengurusan menilai proses kerja setiap pegawai penyelia.

Langkah intervensi lain ialah memperkemas dan memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) serta amalan kerja sedia ada yang dikenal pasti berlaku kelompongan sehingga membuka ruang kepada salah laku seperti rasuah dan meras orang awam.

Kejadian seorang anggota polis dikesan menyimpan beberapa sampul angpau mengandungi wang tunai diragui sumbernya di sebuah balai polis di ibu kota menimbulkan persoalan apakah SOP yang ditetapkan untuk menghindari elemen rasuah.

Namun, usaha PDRM mewajibkan setiap anggota dan pegawai dilengkapi kamera badan (BWC) dalam penugasan selepas harus dipuji sebagai kaedah meningkatkan tahap integriti dan tanggungjawab setiap anggota polis dan pegawai, sekali gus memelihara nama baik dan imej PDRM.

Walaupun kes salah laku anggota dan pegawai PDRM membabitkan sekelompok kecil, namun ia memberi kesan negatif terhadap nama baik pasukan. Langkah intervensi yang tepat dan betul serta kerjasama pasukan boleh membantu meningkatkan integriti anggota dan pegawai PDRM.